

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
(BATU SAPI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.11.2016

Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila Pusat Transformasi Bandar akan dibina di Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Hasrat kerajaan adalah untuk menubuhkan UTC di setiap ibu negeri

di Malaysia yang dikenali sebagai UTC Negeri dan sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan akan mewujudkan UTC di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan mengambil kira jarak antara sesuatu lokasi UTC.

Kementerian Kewangan mengambil maklum bahawa Sandakan merupakan salah satu bandar utama di Sabah dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Untuk makluman YB juga, buat masa ini Kerajaan telah menubuhkan dua (2) UTC di Sabah iaitu UTC Sabah di Kota Kinabalu dan UTC Tawau. Manakala satu lagi di Keningau telah disiapkan dan dijadualkan beroperasi pada 16 November 2016.